

# Melayu akan dijajah lagi jika tidak bersatu

B.H 7 NOV 1993

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan orang Melayu bahawa mereka akan lemah dan dijajah semula jika tidak cenderung dan bersatu dalam politik.

Menurutnya, politik adalah satu bidang yang mesti dipertahankan kerana ia satu-satunya jaminan kekuatan kepada orang Melayu dan Bumiputera ketika ini.

"Kepintaran, kecenderungan dan kerjasama orang Melayu dalam parti politik telah memastikan suara orang Melayu dihormati dan diberi perhatian.

"Kita amat memerlukan kepada kecenderungan itu (politik) kerana jika hilang, kita akan lemah dalam bidang politik sedangkan politik masih merupakan satu bidang yang memberi kekuatan kepada orang Melayu dan Bumiputera.

"Di zaman yang kita tidak mempunyai apa-apa kekuatan lain, kita dapat menyelamatkan diri kita dengan kepintaran dan kecenderungan kita kepada politik," katanya ketika mengulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Dr Mahathir berkata, proses pemilihan parti tahun ini berjaya dilalui tanpa sebarang perpecahan di kalangan ahli.

Menurutnya, tidak dina-

fikan setiap pemimpin ada penyokong setia memberi sokongan kepada perjuangannya.

"Jika seseorang pemimpin itu mempunyai ramai penyokongnya, dia boleh berdiri dengan tegas menyatakan pendiriannya di mana saja dia berpeluang menyampaikan hujah.

"Oleh itu, kita harus sedar bahawa perpaduan dalam parti sangat besar kesannya apatah lagi jika ahlinya banyak. Ahli yang bersatu padu menjadikan parti itu kukuh dan kuat.

"Bagaimanapun, selepas merdeka lebih 36 tahun, kita masih merupakan golongan yang lemah. Oleh itu, kita perlu kepada perpaduan dalam parti," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno menghadapi bahaya perpecahan kerana parti mengamalkan demokrasi yang memberi peluang sesiapa saja menyuarakan pendapatnya.

"Kita juga terpaksa memastikan Umno terus ada pemimpin dan tidak ada pemimpin yang terus kekal walaupun dia ingin kekal.

"Oleh itu, proses pertukaran pemimpin akan menyebabkan ketegangan dalam parti. Kalau kita tidak menanganinya dengan baik, ada kemungkinan parti akan berpecah. Selain parti lemah, pemimpin juga akan le-

mah," katanya.

Beliau mengemukakan hipotesis bahawa setiap kali ada pemilihan parti akan berpecah.

Dalam pemilihan berikutnya, ahli parti yang tinggal separuh akan terbahagi dua menjadi satu perempat dan seterusnya menjadi satu perlepasan.

"Kalau kita ikut proses itu secara logiknya, akhirnya parti akan hilang kalau kita tidak tahu dan tidak faham cara-cara demokrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun lemah pada peringkat awal selepas pengharumannya pada 1987, Umno terus kukuh dan terus mendapat kepercayaan rakyat seperti yang dibuktikan dalam Pilihanraya Umum 1990.

"Kita terus cemerlang walaupun ditikam dari belakang di Sabah dan menghadapi masalah di Kelantan. Walaupun begitu, Barisan Nasional terus mengekalkan dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat.

"Sebagai Presiden Umno, saya insaf, sedar dan berhati-hati serta tidak boleh berbangga dengan kemenangan. Saya sedar saya akan berada di sini hanya jika saya boleh *deliver the goods* iaitu saya dapat menjalankan tugas seperti yang diharapkan dan ini akan saya cuba se-daya-upaya," katanya.